



LAPORAN AKHIR PROJEK PELAJAR

DPB50163 BUSINESS PROJECT

DIPLOMA PENGURUSAN LOGISTIK DAN RANTAIAN BEKALAN

TAJUK: PAISO SISTEM

NAMA	NO PENDAFTARAN
NURIN NAJLAH BINTI RIZUWAN	10DLS20F1010
SHAHRUL IZZANI BIN HASHIM	10DLS20F1015
NOOR ZAHIRAH BINTI ZULKIFLI	10DLS20F1031
ALIFAH ILYANA BINTI AZHAR	10DLS20F1034
MUHAMMAD AMIR HUSAINI BIN ROSLAN	10DLS20F1042

JABATAN PERDAGANGAN

SESI 1 2022/2023

PENGESAHAN STATUS LAPORAN AKHIR

Laporan Akhir Projek Pelajar bagi kursus DPB50163 Business Project, Sesi 1 2022/2023 ini dikemukakan kepada Jabatan Perdagangan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat program Diploma Pengurusan Logistik dan Rantaian Bekalan di Politeknik Seberang Perai. Dengan ini, semua ahli kumpulan projek bersetuju untuk membenarkan pihak Jabatan Perdagangan mempamerkan laporan akhir projek pelajar ini sebagai sumber rujukan pada masa hadapan.

Sebagai bentuk salinan dan cetakan bagi tujuan komersil adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada ahli kumpulan asal, penyelia ataupun penyelaras. Kebenaran daripada Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang diperlukan sekiranya projek ini dirujuk sama ada secara sebahagian atau sepenuhnya. Kebenaran hendaklah dipohon melalui :

Ketua Jabatan
Jabatan Perdagangan
Politeknik Seberang Perai,
Jalan Permatang Pauh,
13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang

PENGESAHAN LAPORAN PROJEK AKHIR

Laporan projek ini yang bertajuk “PAISO SISTEM” telah dikemukakan, disemak serta disahkan sebagai memenuhi syarat dan keperluan penulisan seperti yang telah ditetapkan.

Disemak oleh:

Nama Penyelia : HASNIEZA BINTI MOKHTAR

Tandatangan Penyelia :

Tarikh :

Nama Penyelia Bersama : SHARIPAH KHADIJAH BINTI S.HASHIM

Tandatangan Penyelia Bersama :

Tarikh :

Disahkan Oleh:

Nama Penyelaras : DR ROHANI BINTI M.M. YUSOFF

Tandatangan Penyelaras :

Tarikh :

PERAKUAN PELAJAR

“Kami mengakui bahawa laporan ini adalah hasil kerja kami sendiri kecuali nukilan yang setiap satunya telah kami jelaskan sumbernya.”

1. Tandatangan : *NURIN*
Nama : **NURIN NAJLAH BINTI RIZUWAN**
No. Pendaftaran : **10DLS20F1010**
2. Tandatangan : *SHHRUL*
Nama : **SHHRUL IZZANI BIN HASHIM**
No. Pendaftaran : **10DLS20F1015**
3. Tandatangan : *ZAHIRAH*
Nama : **NOOR ZAHIRAH BINTI ZULKIFLI**
No. Pendaftaran : **10DLS20F1031**
4. Tandatangan : *ALIFAH*
Nama : **ALIFAH ILYANA BINTI AZHAR**
No. Pendaftaran : **10DLS20F1034**
5. Tandatangan : *AMIR*
Nama : **MUHAMMAD AMIR HUSAINI BIN ROSLAN**
No. Pendaftaran : **10DLS20F1042**

AKUAN KEASLIAN DAN HAK MILIK PAISO SISTEM

Kami,

Muhammad Amir Husaini bin Roslan (10DLS20F1042)

Shahrul Izzani bin Hashim (10DLS20F1015)

Nurin Najlah binti Rizuwan (10DLS20F1010)

Noor Zahirah binti Zulkifli (10DLS20F1031)

Alifah Ilyana binti Azhar (10DLS20F1034)

adalah pelajar Diploma Pengurusan Logistik dan Rantaian Bekalan, Politeknik Seberang Perai yang beralamat di Jalan Permatang Pauh, 13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang.

1. Kami mengakui bahawa projek PAISO Sistem dan harta intelek yang ada di dalamnya adalah hasil karya dan reka cipta asli kami tanpa mengambil atau meniru mana-mana harat intelek daripada pihak lain.
2. Kami bersetuju melepaskan pemilikan harta intelek projek PAISO Sistem kepada Politeknik Seberang Perai bagi memenuhi keperluan dan penganugerahan Diploma Pengurusan Logistik dan Rantaian Bekalan kepada kami.

Diperbuat dan dengan sebenar-benarnya diakui oleh yang tersebut :	
MUHAMMAD AMIR HUSAINI BIN ROSLAN No. Kad Pengenalan : 020706070405	
SHAHRUL IZZANI BIN HASHIM No. Kad Pengenalan : 020403020793	
NURIN NAJLAH BINTI RIZUWAN No. Kad Pengenalan : 021031101772	
NOOR ZAHIRAH BINTI ZULKIFLI No. Kad Pengenalan :020227140218	
ALIFAH ILYANA BINTI AZHAR No. Kad Pengenalan :020928020104	
Di hadapan saya, (HASNIEZA BINTI MOKHTAR) No. Kad Pengenalan :	

ABSTRAK

Pengurusan bahan mentah dalam pembuatan sos cili melibatkan aktiviti perancangan, penilaian, penggunaan dan impak terhadap penggunaan cili secara sistematik, cekap dan optimum tanpa melakukan pembaziran. Penggunaan sistem yang betul bagi menyalurkan sos cili mampu memberi impak kepada syarikat Perniagaan Rohaya & Abu Bakar. Antara peralatan atau mesin yang digunakan untuk menguruskan sos dalam pembungkusan salah satunya adalah paip. PAISO Sistem merupakan satu peralatan yang dapat membantu untuk menyalurkan sos cili secara automatik. PAISO merupakan alat yang mampu mengepam sos dari saluran pemprosesan ke saluran pembungkusan. Paip ini boleh dilaksanakan secara automatik tanpa menggunakan tenaga pekerja. Hal ini dapat menjimatkan proses kos operasi untuk aktiviti pembungkusan. PAISO merupakan alat yang direkabentuk menggunakan konsep hidraulik dan sistem perpaipan. Objektif utama kajian ini adalah untuk menghasilkan sebuah paip iaitu Paip Sos Sistem (PAISO) dan menguji kebolehlaksanaan alat ini untuk mengepam dan menyalurkan sos cili dari saluran pemprosesan ke saluran pembungkusan. Paip ini dihasilkan menggunakan bahan PVC yang bersifat tahan lama dan tidak mudah terbakar. Dengan ini, masa dan tenaga pekerja dapat dijitakan apabila menggunakan sistem perpaipan ini. Hasil daripada rekabentuk produk ini, ianya dapat berfungsi sebagai satu alat yang mampu untuk menyalurkan sos cili dengan baik dan selamat dan diharap penggunaan paip seperti ini juga dapat digunakan sebaiknya oleh pengguna dalam operasi lain yang melibatkan proses saluran dan aliran secara automatik.

ABSTRACT

The management of raw materials in the manufacture of chili sauce involves activities of planning, evaluation, use, and impact on the use of chili systematically, efficiently, and optimally without waste. The use of the right system to distribute chili sauce can have an impact on the Rohaya & Abu Bakar Business Company. Among the equipment or machines used to manage the sauce in packaging, one of them is a pipe. PAISO System is an equipment that can help to distribute chili sauce automatically. PAISO is a device capable of pumping sauce from the processing channel to the packaging channel. This pipe can be implemented automatically without using manpower. This can save the process of operating costs for packaging activities. PAISO is a tool designed using the concept of hydraulics and piping systems. The main objective of this study is to produce a pipe that is Pipe Sauce System (PAISO) and test the feasibility of this tool to pump and distribute chili sauce from a channel that is durable and non-flammable. With this, time and labor can be saved when using this piping system. As a result of the design of this product, it can function as a tool capable of channeling chili sauce well and safely and it is hoped that the use of pipes like this can also be used best by users in other operations that involve automatic channel and flow processes.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dihulurkan kepada semua pihak yang telah melibatkan diri samaada secara langsung atau tidak langsung dari aspek ilmu pengetahuan, bantuan tenaga, psikologi dan wang ringgit yang tidak ternilai bagi menyediakan projek akhir pelajar untuk kursus DPB50163 Business Project yang bertajuk PAISO Sistem bagi Sesi 1 2022/2023.

Penghargaan ini dihulurkan bagi menghargai sumbangan dan bantuan pihak yang terlibat serta menyanjungi sumbangan dan bantuan mereka. Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada mereka dalam penghasilan laporan akhir projek pelajar untuk kursus DPB50163 Business Project, Puan Sharipah Khadijah binti S.Hashim sebagai Pensyarah Kursus dan Puan Hasnieza binti Mokhtar sebagai Penyelia bagi program Diploma Pengurusan Logistik dan Rangkaian Bekalan, Politeknik Seberang Perai, Sesi 1 2022/2023.

SENARAI KANDUNGAN

PERKARA

MUKA SURAT

PENGESAHAN STATUS LAPORAN AKHIR

PENGESAHAN LAPORAN PROJEK AKHIR AKUAN

KEASLIAN DAN HAK MILIK

ABSTRAK

ABSTRACT

PENGHARGAAN

SENARAI RAJAH

SENARAI JADUAL

1.0 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar belakang Projek Inovasi	1-2
1.3	Penyataan Masalah	2-3
1.4	Objektif Projek Inovasi	3-4
1.5	Persoalan Projek Inovasi	4
1.6	Justifikasi Projek Inovasi	4-7
1.7	Skop Projek Inovasi	8
1.8	Kepentingan Projek Inovasi	8
1.9	Takrifan Istilah	9
1.10	Rumusan Bab	10

2.0 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	11
2.2	Kajian Terdahulu	11-14
2.3	Rumusan Bab	14

3.0	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pendahuluan	15
3.2	Maklumat Projek Inovasi	15-17
3.3	Proses Pembangunan Projek Inovasi	18-21
3.4	Pembaharuan dan Keunikan Projek Inovasi	21-22
3.5	Kaedah Kajian	22-25
3.6	Kesimpulan	25
4.0	ANALISIS DAPATAN PROJEK INOVASI	
4.1	Pendahuluan	26
4.2	Analisis Situasi	26-34
4.3	Analisis Kewangan	34
	4.3.1 Kos penghasilan projek inovasi	35
	4.3.2 Kos penghasilan projek inovasi per unit	35
	4.3.3 Peletakan harga projek inovasi	35
	4.3.4 Justifikasi kos pelaksanaan projek	36
4.4	Impak Projek	36
4.5	Pengkomersialan (target pengguna)	37
4.6	Rumusan Bab	37
5.0	KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.1	Pendahuluan	38
5.2	Kesimpulan keseluruhan Projek	38-40
5.3	Cadangan Penambahbaikan	40-41
5.4	Limitasi Projek	41-42
5.5	Rumusan Bab	42
	RUJUKAN	43-44
	LAMPIRAN	
	Lampiran 1 – Carta Gantt	45

SENARAI RAJAH

BIL	NAMA RAJAH	MUKA SURAT
Rajah 1.1 :	Lawatan ke Syarikat Perniagaan Rohaya & Abu Bakar	5
Rajah 1.2 :	Lakaran awal projek inovasi PAISO Sistem	8
Rajah 3.1 :	Penggunaan paip pvc, penyambung paip dan gergaji untuk membuat dan memproses dalam penghasilan dan pembangunan produk PAISO Sistem.	18
Rajah 3.2 :	Penggunaan pam moto, baldi, paip getah, gam paip, tali benang dan sensor.	18
Rajah 3.3 :	Proses memotong paip PVC kepada saiz yang dikehendaki	19
Rajah 3.4 :	Proses penyambungan paip PVC dilakukan.	19
Rajah 3.5 :	Menunjukkan bentuk paip PAISO dalam keadaan stabil	20
Rajah 3.6 :	Pemasangan sensor pada hujung paip	20
Rajah 3.7 :	Menunjukkan keadaan PAISO sistem yang telah siap pasang dan diuji	21
Rajah 4.1 :	Carta palang menunjukkan respon pihak syarikat berkenaan masalah dalam operasi sebelum projek dihasilkan	28
Rajah 4.2 :	Carta palang menunjukkan respon pihak syarikat berkenaan projek invasi selepas projek dihasilkan	30
Rajah 4.3 :	Fasa pertama PAISO Sistem	32
Rajah 4.4 :	PAISO Sistem yang belum dilengkapi dengan sensor air automatik	33
Rajah 4.5 :	Sensor air automatik yang belum dipasang pada PAISO Sistem	33
Rajah 4.6 :	Menunjukkan sensor air automatik telah digabungkan bersama PAISO Sistem	34

SENARAI JADUAL

BIL	NAMA JADUAL	MUKA SURAT
Jadual 1.1 :	Analisis SWOT	7
Jadual 3.1 :	Senarai peralatan yang diperlukan	16 - 17
Jadual 3.2 :	Senarai Soalan Temubual Sebelum Penghasilan Projek .	23
Jadual 3.3 :	Senarai Soalan Temubual Selepas Penghasilan Projek	24
Jadual 4.1 :	Senarai soalan soalselidik sebelum penghasilan projek	27
Jadual 4.2 :	Senarai soalan soalselidik selepas penghasilan projek	29
Jadual 4.3 :	Kos pembangunan projek inovasi	35
Jadual 5.1 :	Analisis SWOT	39

BAB 1

Pengenalan

1.1 PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan tentang elemen yang terdapat dalam bab 1 iaitu latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, justifikasi kajian dan skop kajian. Bab ini juga membincangkan tentang penciptaan projek inovasi, PAISO Sistem iaitu Paip Sos Sistem. Selain itu, pihak pengkaji membuat kajian dan memperoleh informasi tentang masalah yang dihadapi oleh pihak pekerja di bahagian operasi pembungkusan. Punca terawal yang dihadapi oleh pekerja pembungkusan iaitu sistem manual bagi memasukkan sos cili ke dalam botol pembungkusan tidak mempunyai peralatan dan perkakasan yang baik dan lengkap bagi menyalurkan sos dari bahagian pemprosesan ke bahagian pembungkusan. Disebabkan itu, pihak pengkaji membangunkan sebuah produk penambahbaikan untuk menyalurkan sos cili dalam pek pembungkusan yang ditetapkan oleh syarikat serta mengurangkan risiko dan masalah terhadap kualiti sos cili yang dikendalikan.

1.2 LATAR BELAKANG PROJEK INOVASI

Projek inovasi ini bertujuan untuk menghasilkan sistem paip yang boleh menyalurkan cecair sos cili secara automatik dari saluran pemprosesan ke saluran pembungkusan. Produk ini dapat membantu operasi syarikat menguruskan tugas dan masa pekerja dalam menguruskan operasi tugas harian serta dapat menambah baik mutu perkhidmatan kepada pelanggan. Dalam meniti arus kementerian ini, kebanyakan kilang pemprosesan sos yang beroperasi secara kecil-kecilan ini masih lagi menggunakan kaedah manual untuk memproses sos. Tiada sebarang peralatan canggih yang digunakan tetapi hanya mesin pengisar domestik yang berkapasiti kecil sahaja yang digunakan bagi menjalankan operasi pembuatan sos cili. Perkara ini akan menimbulkan banyak kesilapan dan membantutkan kapasiti pengeluaran dalam industri pembuatan sos cili. Penggunaan tenaga dan masa pekerja yang berlebihan dalam operasi memproses sos akan mempengaruhi mutu pengeluaran. Justeru, projek ini adalah untuk mencadangkan penggunaan sistem yang betul bagi menyalurkan sos cili dengan menggunakan konsep hidraulik dan sistem perpaipan. Paip ini merupakan alat yang direkabentuk bagi mengepam dan menyalurkan sos cili dari saluran pemprosesan ke saluran pembungkusan. Sistem perpaipan ini adalah

sistem yang penting digunakan oleh kilang-kilang pemprosesan dalam meningkatkan kapasiti pengeluaran sos cili dalam tempoh harian. Selain itu, ia juga dapat memberikan kecekapan kepada pekerja dengan menjimatkan masa, meminimumkan kesilapan dan menyediakan produk sos yang lebih berkualiti dan cepat kepada pelanggan. Menurut A.A Norashikin (2018), bahawa salah satu objektif dasar Teknologi Hijau Kebangsaan adalah untuk mengurangkan penggunaan tenaga dan pada masa yang sama dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi. PAISO sistem dihasilkan menggunakan bahan yang berteknologi hijau dan tidak menjejaskan faktor persekitaran.

Pengkaji telah memilih Perniagaan Rohaya & Abu Bakar untuk menjadi tempat kajian bagi membangunkan projek inovasi ini. Kami memilih Perniagaan Rohaya & Abu Bakar kerana kilang pemprosesan sos mereka telah mendapat sambutan yang memberangsangkan dari pelanggan dan pendorong. Kaedah pemprosesan sos bagi Perniagaan Rohaya & Abu Bakar ini tiada menggunakan sebarang peralatan canggih dan hanya menggunakan kaedah secara manual iaitu pekerja perlu mengepam dan menyukat sos secara manual. Menurut Mohd Asri dan rakan-rakan (2000), pengurusan merupakan faktor penting dalam membantu perkembangan perniagaan kecil. Malah pengurusan yang bijak amat diperlukan dalam perniagaan kecil berbanding dengan firma besar. Ini memandangkan perniagaan kecil mempunyai sumber dan simpanan yang terhad dan sedikit. Justeru itu, keperluan utama dalam perniagaan kecil ialah satu pengurusan yang tersusun, sistematik dan dapat mengenal pasti keperluan-keperluan utama dalam operasi perniagaan kecil untuk terus berkembang. Sehubungan dengan itu, pihak pengurusan harus bijak dalam mengenal pasti keutamaan dalam pembahagian sumber kepada keperluan-keperluan yang mesti didahulukan.

1.3 PENYATAAN MASALAH

Usaha untuk memartabatkan industri perusahaan kecil-kecilan tiada penamatnya bagi membantu usahawan untuk meningkatkan penyertaan dan penguasaan mereka dalam perniagaan ini. Menurut Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tan Sri Noh Omar, berkata sejak Mac 2020, sejumlah RM196 bilion telah diperuntukkan sebagai pakej bantuan kepada PKS. Usaha akan disasarkan kepada menggalakkan adaptasi teknologi tinggi, peningkatan kemahiran, inovasi serta penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk mentransformasi industri ini kepada penghasilan produk dan perkhidmatan bernilai tinggi,

meluaskan pasaran global dan menarik pelaburan yang berkualiti (Berita Harian, 1 Mac 2022). Justeru itu, perusahaan seperti ini memerlukan sokongan dari pelbagai agensi bagi memastikan PKS terus bertahan, dan akan menjadi sia-sia sekiranya PKS sendiri tidak berusaha untuk merebut peluang yang ada dan mengatasi kelemahan yang wujud samaada peringkat luaran mahupun dalaman. Menurut Sabri (2005), sesebuah perniagaan itu akan dapat bersaing dan berkembang ke tahap yang lebih membanggakan sekiranya semua fungsi yang dinyatakan dikendalikan dengan baik dan bersistematik.

Oleh yang demikian, penyelidik mengambil inisiatif dengan merekabentuk peralatan yang boleh dilakukan secara automatik bagi menyalurkan sos cili ke saluran pembungkusan secara sistematik, cekap dan optimum tanpa berlakunya pembaziran. Justeru, projek inovasi ini dijalankan untuk memudahkan proses sukatan dan saluran sos cili di bahagian pembungkusan dan sekaligus membantu proses pengedaran yang sangat efektif, mudah dan menjimatkan tenaga dan masa.

Diharapkan PAISO sistem dapat membuktikan dalam mengubah cara kerja industri PKS yang bermodalkan tahap minimum ini. Peralatan yang dicadangkan akan membantu dalam mengurangkan kos pengurusan dan penyelenggaraan industri. Ia juga akan meminimumkan perkhidmatan manual iaitu tenaga buruh biasa dan mampu mengurangkan kesalahan manusia. (Mullewar , Virdande, Bannore , Awari , & Shriwas, 2014).

1.4 OBJEKTIF PROJEK INOVASI

Projek inovasi ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti kelemahan sistem panyaluran sos dari bahagian pemprosesan ke bahagian pembungkusan. Oleh itu, penghasilan PAISO Sistem ini adalah untuk memudahkan para pekerja syarikat di bahagian pembungkusan untuk memasukkan kandungan sos cili ke dalam material pembungkusan disamping mengoptimumkan kerugian dan penghantar makanan untuk meletakkan thermal bag dan barangan yang dibawa sentiasa baik dan kualiti sos tidak terjejas. Objektif projek ini adalah terbahagi kepada dua iaitu objektif am dan objektif khusus seperti di bawah:

1.4.1 Objektif Am

Projek ini dicipta untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh kilang Rohaya dalam menyalurkan sos cili dari bahagian pemprosesan ke pembungkusan tanpa berlakunya pembaziran seperti kandungan sos yang tumpah dan menjejaskan kualiti serta kandungan sos tersebut. Oleh itu, pengkaji bercadang untuk menghasilkan peralatan yang direkabentuk menggunakan konsep hidraulik dan sistem perpaipan agar isipadu sos lebih tepat dan tidak melimpah sewaktu operasi kerja dilakukan.

1.4.2 Objektif Khusus

Objektif khusus adalah seperti yang berikut :

- 1) Mengetahui cara dan rekabentuk yang sesuai ketika proses saluran sos cili di bahagian pembungkusan dilakukan dengan cekap, bersih dan tiada pembaziran sumber berlaku.
- 2) Menghasilkan satu produk untuk membantu syarikat meningkatkan kualiti perkhidmatan bagi mencapai tahap penilaian yang tinggi dari pelanggan dan pembekal.
- 3) Menjimatkan masa dan tenaga kerja agar lebih produktif apabila menggunakan peralatan yang dilaraskan secara automatik dan kondusif.

1.5 PERSOALAN PROJEK INOVASI

Berdasarkan objektif yang dinyatakan, persoalan bagi projek inovasi ini adalah:

- i. Apakah kelemahan syarikat Rohaya & Abu Bakar dalam memastikan peralatan pengendalian dapat disediakan?
- ii. Bagaimanakah produk inovasi PAISO Sistem yang dihasilkan dapat membantu pihak syarikat untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan?

1.6 JUSTIFIKASI PROJEK INOVASI

Pemilihan dalam membina produk ini dipilih berdasarkan temubual bersama pekerja di Syarikat Rohaya & Abu Bakar. Pihak kami telah bercadang untuk merealisasikan dan merekabentuk produk ini bagi membantu pekerja melakukan tugas operasi pembungkusan

dengan lebih mudah, cepat dan selamat. Produk yang akan dibangunkan ialah PAISO sistem yang bertujuan untuk menyalurkan sos cili dari bahagian pemprosesn kepada bahagian pembungkusan di syarikat Sos Rohaya & Abu Bakar. Kelebihan produk inovsi ini syarikat akan mendapat “*service rating*” yang tinggi daripada pihak pelanggan kerana pesanan dapat dipenuhi dan dalam keadaan yang baik serta kualiti yang tinggi. Hal ini kerana, jika menggunakan sistem paip yang manual tanpa sukatan yang tepat, kandungan sos cili akan berlebihan dan juga berkurangan apabila di masukkan ke dalam material pembungkusan yang digunakan.

1.6.1 Pemilihan Syarikat



Rajah 1.1: Lawatan ke Syarikat Perniagaan Rohaya & Abu Bakar

Perniagaan Rohaya & Abu Bakar merupakan sebuah perniagaan yang mengeluarkan produk masakan yang berjenama Rohaya yang terdiri daripada cuka, kicap cair, kicap lemak, kicap lemak manis, kicap mee, kuah rojak, pati sos, sos cili, sos lada hitam, sos tiram, sos tomato. Perniagaan Rohaya & Abu Bakar yang terletak di Permatang Batu, Bukit Mertajam Pulau Pinang dan telah memulakan perniagaan mereka sejak tahun 1985.

Perniagaan Rohaya & Abu Bakar diusahakan ole Abu Bakar Bin Ayub iaitu sebagai pemilik perniagaan dan mempunyai pekerja untuk mengembangkan perniagaan ini. Pengkaji telah membuat pilihan untuk bekerjasama dengan perniagaan ini bagi mencapai beberapa objektif yang diinginkan. Di samping itu, pengkaji mencadangkan untuk menghasilkan satu peralatan iaitu PAISO Sistem merupakan paip sos secara automatik yang akan memudahkan urusan di bahagian pembungkusan.

Penciptaan PAISO sistem ini dapat membantu dan memudahkan pekerja untuk proses pembungkusan iaitu bagaimana operasi pengisian sos cili dimasukkan ke dalam botol. Produk ini adalah sangat sesuai dengan operasi syarikat yang mana aktiviti utamanya

adalah melakukan pengeluaran bagi produk akhir pilihan pengguna. Justeru itu, PAISO sistem ini amatlah perlu di rekabentuk dan digunakan oleh pihak syarikat supaya dapat memudahkan tugas pekerja dan mengembangkan operasi syarikat.

1.6.2 ANALISIS SWOT (*Strength Weakness Opportunities Threat*)

Analisis SWOT telah digunakan sebagai medium untuk mengenalpasti keperluan serta peluang bagi menjalankan projek ini. Analisis SWOT merupakan satu kerangka atau kaedah untuk mengenalpasti dan menganalisa kekuatan (*strength*), kelemahan (*weaknesses*), peluang (*opportunities*) serta ancaman (*threat*) sebelum sesuatu keputusan dibuat oleh pihak pengurusan bagi sesebuah organisasi .

Maklumat yang digunakan bagi analisis SWOT ini adalah berdasarkan pemerhatian serta hasil temu bual diantara pengkaji dengan pekerja berkaitan isu serta keperluan penghasilan projek. Hasil daripada informasi yang diberikan oleh pihak organisasi pengkaji telah mengenalpasti projek inovasi yang dapat dihasilkan untuk menangani isu yang berlaku. Pengkaji juga dapat mengenalpasti peluang serta ancaman yang mungkin terpaksa dihadapi untuk membangunkan projek inovasi .

1.6.3 Kekuatan (*Strength*)

PAISO Sistem yang digunakan untuk mengurangkan masa pengisian sos ke dalam botol serta meningkatkan penghasilan sos dan jualan. Sistem ini juga dapat mengurangkan tenaga kerja dengan adanya sistem paip secara automatik yang hanya dipantau oleh pekerja-pekerja Syarikat Sos Rohaya dan Abu Bakar. Sistem ini dapat memastikan pengisian sos ke dalam botol adalah tepat dan dapat mengurangkan kesilapan-kesilapan yang akan berlaku.

1.6.4 Kelemahan (*Weakness*)

PAISO Sistem ini hanya diciptakan untuk mengisi sos ke dalam botol secara automatik yang digunakan oleh Syarikat Sos Rohaya & Abu Bakar. Semua proses tersebut memerlukan kos pemasangan yang agak tinggi berbanding dengan sistem perpaipan sos secara manual. Oleh itu, pihak Syarikat Sos Rohaya & Abu Bakar memerlukan modal dan

kewangan yang mencukupi bagi menjalankan dan menguruskan sistem perpaipan sos secara automatik yang menelan kos perbelanjaan yang tinggi sepenuhnya.

1.6.5 Peluang (*Opportunities*)

PAISO sistem ini boleh dikomersialkan di dalam pasaran disebabkan ianya dapat memenuhi keperluan perniagaan-perniagaan syarikat sos terutamanya mereka yang mempunyai masalah untuk pembungkusan sos dengan cepat dan dalam masa yang sama dapat mengurangkan tenaga kerja. Dengan wujudnya sistem ini adalah bagi meningkatkan penghasilan sos yang mencukupi. Sistem ini dapat menjimatkan masa dan tenaga pekerja-pekerja di Syarikat Sos Rohaya & Abu Bakar. Secara tidak langsung, dengan adanya sistem perpaipan sos kami, perniagaan Sos Rohaya & Abu Bakar dapat menaikkan imej perniagaan dan menjadikan segala urusan lebih sistematik dan mempunyai jaminan kualiti yang tinggi.

1.6.6 Ancaman (*Threats*)


PAISO Sistem ini mungkin akan mengalami ancaman atau cabaran dari segi persaingan dengan sistem yang lebih sistematik atau lebih berjaya yang terdapat di pasaran sekarang mahupun pasaran baru. Sistem ini akan lebih terancam apabila berlakunya pengeluaran produk yang sama daripada segi fungsi, target pengguna atau lain-lain yang boleh menyebabkan sistem ini tidak akan mendapat tempat di pasaran.

Jadual 1.1: Analisis SWOT

Kekuatan (Strength)	Kelemahan (Weakness)	Peluang (Opportunities)	Ancaman (Threats)
<ul style="list-style-type: none"> • Menjimatkan masa • Meningkatkan penghasilan sos • Mengurangkan penggunaan tenaga pekerja • Mengelak berlakunya kesilapan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Kos pembuatan dan pemasangan tinggi . • Memerlukan modal dan kewangan yang stabil. 	<ul style="list-style-type: none"> • Dapat meningkatkan imej syarikat. • Proses penghasilan sos menjadi cepat dan mencukupi. • Berpotensi untuk bersaing dengan sistem perpaipan terkini. 	<ul style="list-style-type: none"> • Persaingan dengan sistem yang lebih sistematik atau lebih berjaya yang terdapat di pasaran sekarang mahupun pasaran baru.

1.7 SKOP PROJEK INOVASI

Kajian ini secara khususnya, berfokus kepada pengurusan pembungkusan sos di Perniagaan Rohaya & Abu Bakar. Pertama, untuk memastikan proses pengisian sos cili ke dalam botol dilakukan dalam keadaan bersih dan tidak berlaku pembaziran. Kedua, dapat menjimatkan masa dan tenaga kerja dan mempercepatkan produktiviti pekerja di Perniagaan Rohaya & Abu Bakar. Akhir sekali, dapat menyukat sos cili dengan tepat mengikut isi padu yang telah ditetapkan pada botol pembungkusan. Walau bagaimanapun, kajian ini dikategorikan dalam dua aspek iaitu kategori subjek kajian dan kategori analisis. Bagi kategori subjek kajian merujuk kepada kajian analisis SWOT iaitu strengths (kekuatan), weaknesses (kelemahan), opportunity (peluang), dan threats (ancaman) sahaja bagi mencapai objektif kajian ini.



Rajah 1.2: Lakaran awal PAISO Sistem

1.8 KEPENTINGAN PROJEK INOVASI

Projek inovasi yang dijalankan ini memberi kepentingan dari segi mewujudkan paip penyukat sos automatik ini, ia dapat meningkatkan kecekapan dan mengelakkan pembaziran proses produksi untuk kedua-dua pembekal dan pemborong. Selain itu, meminimumkan pembuatan kerja secara manual dan memastikan ketepatan sos cili dapat disukat dan dimasukkan di bahagian operasi pembungkusan di kilang Perniagaan Rohaya & Abu Bakar.

1.9 TAKRIFAN ISTILAH

Berikut merupakan takrifan istilah yang berkaitan projek inovasi yang telah dilaksanakan:

a) Paip

- i. Paip boleh ditakrifkan sebagai tiub yang diperbuat daripada logam, plastik, kayu, konkrit atau gentian kaca.
- ii. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2022) paip adalah pembuluh untuk menyalurkan air, minyak, gas dan lain-lain.
- iii. Sistem perpaipan secara amnya dianggap merangkumi sambungan lengkap paip, termasuk komponen dalam talian seperti kelengkapan paip dan bebibir.
- iv. Sistem perpaipan adalah arteri proses perindustrian kita dan sumbangan sistem perpaipan adalah penting dalam masyarakat perindustrian.

b) Sistem

- i. Sistem ialah sekumpulan elemen yang berinteraksi atau saling berkaitan yang bertindak mengikut satu set peraturan untuk membentuk satu keseluruhan yang Bersatu
- ii. Menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat (2022) sistem adalah suatu cara atau kaedah untuk melakukan sesuatu.
- iii. Sistem mempunyai beberapa sifat dan ciri umum, termasuk struktur, fungsi, tingkah laku dan kesalinghubungan.

c) Stok

- i. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2022), stok adalah barang dagangan untuk dijual atau himpunan barang yang tersimpan di stor.
- ii. Menurut S Suryaningrat (2020), stok adalah barang-barang yang disimpan untuk digunakan atau dijual pada masa atau periode yang akan datang, berupa persediaan barang bahan baku, persediaan barang setengah jadi dan persediaan barang jadi.
- iii. Menurut kajian projek ini, stok adalah merujuk kepada barang-barang yang dikeluarkan oleh Perniagaan Rohaya & Abu Bakar

1.9 RUMUSAN BAB

Secara keseluruannya, produk inovasi PAISO Sistem merupakan salah satu produk inovasi yang baharu bagi membantu Perniagaan Sos Rohaya & Abu Bakar untuk membuat kerja dengan lebih kemas, teratur, pantas dan kualiti terjaga. Dengan adanya kewujudan produk inovasi baharu ini, pekerja di kilang tidak perlu lagi mengisi sos dan membuat kerja secara manual yang memerlukan jumlah masa dan tenaga yang sangat banyak. Selain daripada itu, produk ini juga mampu membantu perniagaan dalam pengurusan mereka untuk bergerak dalam operasi dengan lebih cekap. Oleh itu, kami bersetuju memilih perniagaan sos Rohaya & Abu Bakar yang beralamat di Mukim 7 Bukit Mertajam, Pulau Pinang bagi projek ini. Secara keseluruhan dalam bab ini mengandungi latar belakang projek, pernyataan masalah, objektif projek, persoalan projek dan skop projek membincangkan tentang masalah yang telah wujud dan mengemukakan cadangan untuk menyelesaikan masalah tersebut. Setelah kami meneliti dan membuat perbincangan bersama penyelia kami bersetuju untuk membangunkan dan merekabentuk satu produk inovasi dan diharapkan produk ini dapat digunakan oleh pihak pengilang yang lain juga.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 PENDAHULUAN

Bab ini menjelaskan kajian terdahulu yang berkaitan dengan bidang projek inovasi dan diakhiri dengan rumusan secara ringkas. Kajian literatur merupakan ulasan maklumat yang diperolehi daripada jurnal, buku, prosiding dan kajian lepas untuk sesuatu kajian terbaharu. Pengkaji mengenalpasti dapatan-dapatan penyelidikan lain dalam bidang yang dikaji. Projek inovasi yang dilaksanakan oleh pengkaji adalah dalam bidang logistik dan rantai bekalan iaitu penghasilan Paip Sos Sistem, PAISO bagi membantu mesin untuk menyalurkan sos cili secara automatik. PAISO adalah alat yang mampu mengepam sos dari saluran pemprosesan ke saluran pembungkusan botol sos dengan cekap dan selamat. Paip ini boleh digunakan secara automatik tanpa menggunakan tenaga pekerja di Syarikat Perniagaan Rohaya & Abu Bakar. Dengan alat ini, ia dapat menjimatkan kos dan akan menambah prestasi Syarikat Perniagaan Rohaya & Abu Bakar. Kajian literatur meliputi tiga bahagian iaitu logistik dan rantai bekalan, pemprosesan dan pembungkusan.

2.2 KAJIAN TERDAHULU

A) Penghasilan produk

Menurut Nuraffefa et.al (2021), Faktor-faktor kesukaran menyelesaikan masalah dalam penghasilan produk adalah tidak mempunyai kemahiran khusus, tidak mempunyai pengetahuan mengenai kemahirankhusus dan tidak mempunyai latihan khusus.

Menurut Hatib, Fairus & Mohd (2009), reka bentuk produk inovatif adalah bermula dari peringkat penjanaan idea sehingga mengaplikasikan semua idea tersebut termasuk bahan, alatan dan proses untuk menghasilkan sesuatu produk prototaip.

Menurut African Union (2016), produk budaya itu adalah, Produk-produk seperti ini terdiri daripada ciri-ciri warisan seni tradisional yang dikembangkan dan dikekalkan masyarakat dengan pelbagai cara yang berbeza antara satu sama lain. Sebagai ekspresi kreatif dan bentuk seni masyarakat serta pengetahuan dan praktik tradisional yang mencerminkan budaya hidup.

Menurut Juran (2010), Kualiti produk juga memberi kesan secara langsung kepada kepuasan pelanggan, yang menyatakan “kualiti produk ialah kesesuaian penggunaan produk untuk memenuhi keperluan dan kepuasan pelanggan”.

Menurut Kotler dan Gary (2006), jelaskan dari perspektif pemasaran bahawa "kualiti produk adalah salah satu alat penentu kedudukan utama pemasar. Kualiti mempunyai kesan langsung ke atas prestasi produk dan perkhidmatan".

B) Logistik dan Rantaian Bekalan

Menurut Salleh Hudin (2017), pengurusan rantaian bekalan yang gagal adalah merujuk kepada risiko luaran dan dalaman yang berkaitan dengan rantaian bekalan. Antara masalah utama yang terdapat adalah disebabkan oleh kualiti bahan mentah yang dibekalkan, penghantaran lewat komponen dan bahagian import dan kemahiran pekerja yang tidak mencukupi. Dengan ini, kajian mengenal pasti terdapat punca berlakunya ketidakcekapan di dalam aktiviti pengurusan rantaian bekalan.

Menurut Gunasekaran dan tirtiroglu (2001) menyatakan bahawa pengurusan rantaian bekalan dianggap sebagai faktor strategik untuk mencapai matlamat organisasi yang lebih baik seperti servis pelanggan yang lebih baik, peningkatan keuntungan dan peningkatan daya saing malah untuk meningkatkan keberkesanan organisasi.

Menurut Fassa F. (2021), pengurusan pengedaran adalah merujuk kepada melengkapkan proses kitaran produk. Menurut beliau, pengedaran adalah kaedah untuk membolehkan produk yang akan dihantar kepada pengguna akhir yang merangkumi pelbagai komponen iaitu pembekal bahan mentah, unit pembuatan, pengangkutan, peruncit dan penjual. Oleh

yang demikian, kajian ini menunjukkan penilaian terhadap penghasilan produk yang efektif.

Menurut Hasibuan (2021), pengurusan bidang logistik adalah merujuk kepada proses mereka bentuk sistem aliran teratur. Tambahan pula, menurut beliau pendekatan yang diambil dalam merencana produk yang teratur akan mewujudkan keadaan di mana ianya membolehkan masalah yang dihadapi pekerja dapat dikenal pasti dengan lebih awal supaya tindakan pembetulan dapat dilakukan segera sebelum masalah menjadi lebih serius. Oleh itu, terbukti kajian dalam penghasilan produk ini dapat membantu pihak pengurusan dalam menguruskan masalah yang dihadapi oleh pekerja.

Menurut Raza.E & Komala (2020), manfaat teknologi rantaian bekalan adalah merujuk kepada penggunaan unsur interaksi yang dihubungkan bersama maklumat. Menurut beliau struktur pergerakan barangan adalah sangat kompleks dan memerlukan pelbagai aspek seperti teknologi, ekonomi, organisasi, kualiti, keselamatan dan kebolehpercayaan. Justeru itu, kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti masalah mengenai penghantaran makanan yang berlaku di dalam pengurusan penghantaran pesanan pelanggan.

C) Pengurusan inventori

Menurut Mwangi & Nyambura (2015), pengurusan di sebuah gudang yang tidak teratur akan menyebabkan pekerja perlu mencari item inventori dan daripada itu, kos buruh, tahap ketidakcekapan membawa kepada kos perbelanjaan yang besar

Menurut Ferenčíková (2014) menyebut bahawa lebih 70% pengurusan sistem inventori dan penyampaian maklumat dari Raw Material ke Work In Progress adalah kurang cekap dan hal ini menyebabkan banyak masalah-masalah lain seperti penangguhan masa penghantaran bagi barang siap, perancangan pengeluaran yang huru-hara, tekanan dan hal ini tidak digemari oleh pekerja pengeluaran

Menurut Sundar et al., (2014), Raw Material yang berlebihan disebabkan oleh ketidakcekapan dalam pelan produk, ketersediaan bahan mentah, barang rosak, proses menunggu yang bertambah, aktiviti kerja atau tugas yang tidak perlu dilakukan antara

stesen kerja dan pengeluaran barang yang berlebihan memberi kesan kepada Finish Good inventori yang mungkin berlakunya penyimpanan barang siap yang lama.

Menurut Buyong, R. & Ahmad (2020), bahagian inventori perlu mengurangkan pembaziran seperti lebih barang siap dalam inventori dan kekurangan inventori bahan mentah. Antara teknik dalam Lean manufacturing yang boleh diterapkan bagi penambahbaikan sistem pengurusan inventori adalah JIT.

Menurut Ar & Al-Ashraf (2012), Jika Work In Progress melebihi had yang dibenarkan, aktiviti pengeluaran akan diberhentikan secara automatik kerana perancangan kapasiti yang tidak dapat menghasilkan produk baru dalam aktiviti pengurusan inventori.

2.3 RUMUSAN BAB

Secara keseluruhan, kajian literatur yang dibincangkan ini merangkumi bidang projek inovasi iaitu penghasilan produk, logistik dan rantaian bekalan, pengurusan inventori dan operasi dalam pengeluaran. Kajian literatur yang dibincangkan ini memberi penerangan mengenai perspektif dan kaedah digunakan dalam penyelidikan yang lepas. Selain itu, menunjukkan kedudukan objektif dan masalah projek dalam bidang penyelidikan yang lebih luas.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN





3.1 PENDAHULUAN




Bab ini akan menerangkan secara lebih mendalam tentang PAISO Sistem (Paip Sos Sistem) dan kaedah penyelidikan yang digunakan di dalam kajian ini. Pertamanya kajian ini akan menerangkan mengenai prosedur dan proses untuk menghasilkan produk inovasi PAISO. Kemudian, penjelasan mengenai penyelidikan merangkumi maklumat projek, pembaharuan dan keunikan projek dan kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini.

3.2 MAKLUMAT PROJEK INOVASI

PAISO Sistem ialah satu produk yang dihasilkan untuk meningkatkan mutu dan kualiti kerja para pekerja dalam pemprosesan sos. Syarikat Perniagaan Rohaya & Abu Bakar sering menghadapi masalah berkaitan pemprosesan sos yang agak lambat dengan permintaan yang tinggi. Dengan adanya produk PAISO Sistem, ia dapat mengurangkan masalah seperti itu berlaku lebih kerap. Justeru itu mutu untuk pekerja memproses sos yang lebih berkualiti dan cepat. Dengan penghasilan produk PAISO Sistem, ianya memiliki beberapa kelebihan seperti meningkatkan kualiti perkhidmatan yang diberikan dan mengurangkan masalah. Perkakasan dan bahan yang digunakan untuk menghasilkan produk PAISO Sistem adalah seperti berikut.

Jadual 3.1: Senarai peralatan yang diperlukan

Bil	Nama Peralatan	Gambar
1	Pam motor	
2	Paip PVC 20mm	
3	Gam Paip	
4	Tali Benang	

Bil	Nama Peralatan	Gambar
5	Sensor	
6	Paip Getah	
7	Baldi Air	

3.3 PROSES PEMBANGUNAN PROJEK INOVASI

Projek inovasi ini dinamakan PAISO Sistem. Bagi menghasilkan produk ini, beberapa peralatan dan bahan diperlukan iaitu paip pvc, pum moto dan pelampung air.




Rajah 3.1: Penggunaan paip pvc, penyambung paip dan gergaji untuk membuat dan memproses dalam penghasilan dan pembangunan produk PAISO Sistem.



Rajah 3.2: Penggunaan pam moto, baldi, paip getah, gam paip, tali benang dan sensor.

A. Langkah 1 : Proses memotong paip PVC

Langkah 1 dimulakan dengan proses memotong paip mengikut saiz yang telah ditetapkan.



Rajah 3.3: Proses memotong paip PVC kepada saiz yang dikehendaki

B. Langkah 2: Proses penyambungan paip

Langkah 2 diteruskan dengan proses penyambungan paip setelah pemotongan paip mengikut saiz dijalankan di Langkah 1. Penyambung paip telah digunakan di langkah ini.



Rajah 3.4: Proses penyambungan paip PVC dilakukan

C. Langkah 3: Proses membuat tapak

Langkah 3 adalah proses dimana tapak paip dilakukan dengan menyambungkan paip PVC menggunakan tali benang serta gam paip untuk mengukuhkan kedudukan paip.



Rajah 3.5: Menunjukkan bentuk paip PAISO dalam keadaan stabil

D. Langkah 4: Memasang sensor pada paip

Langkah 4 diteruskan dengan memasang sensor automatik pada bahagian hujung paip supaya sos dapat berhenti dan mengalir dengan sendiri.



Rajah 3.6: Pemasangan sensor pada hujung paip

E. Langkah 5: Proses menguji saluran PAISO system

Langkah 5 diteruskan dengan proses menguji saluran PAISO sistem dengan meletakkan air ke dalam baldi dan menghidupkan pam moto supaya air dapat mengalir melalui paip getah dan masuk kedalam saluran paip.



Rajah 3.7: Menunjukkan keadaan PAISO sistem yang telah disiap pasang dan diuji

3.4 PEMBAHARUAN DAN KEUNIKAN PROJEK INOVASI

Sebelum PAISO sistem ini dihasilkan, syarikat Perniagaan Rohaya & Abu Bakar mengalami pelbagai masalah, antaranya berkaitan bahan mentah yang tidak berkualiti, masalah menyukat sos yang dilakukan secara manual dan ia mengambil masa dan tenaga kerja yang banyak. Selain itu, masalah dari segi tenaga kerja ‘man power’ yang tidak mencukupi untuk proses mengangkat stok barang yang tiba di gudang. Jadi, dengan adanya PAISO sistem yang diinovasikan, ia dapat membantu mengurangkan masalah penyukat sos manual dan dalam pada masa yang sama, masa dan tenaga pekerja dapat dijimatkan apabila menggunakan sistem perpaipan ini. Produk ini dicipta dengan menggunakan beberapa perkakasan iaitu, pum motor, pvc 20 mm, tape pipe, gum pipe dan belon. Paip ini dihasilkan menggunakan bahan PVC yang bersifat tahan lama dan tidak mudah terbakar. Penggunaan sistem yang betul bagi menyalurkan sos cili secara sistematik, cekap dan optimum tanpa melakukan pembaziran mampu memberi impak kepada syarikat Perniagaan Rohaya & Abu Bakar. Selain itu, PAISO merupakan salah satu peralatan yang dapat membantu untuk menyalurkan sos cili secara automatik. PAISO merupakan alat yang mampu mengepam sos dari saluran pemprosesan ke saluran pembungkusan. Hal ini dapat menjimatkan proses kos operasi untuk aktiviti pembungkusan. Sistem perpaipan ini adalah sistem yang penting digunakan oleh kilang pemprosesan dalam meningkatkan kapasiti pengeluaran sos cili dalam tempoh harian. Selain itu, ia juga dapat memberikan kecekapan

kepada pekerja dengan menjimatkan masa, meminimumkan kesilapan dan menyediakan produk sos yang lebih berkualiti dan cepat kepada pelanggan.

Sepanjang tempoh pelaksanaannya, ia telah memenuhi ciri-ciri berikut, yang diklasifikasikan jua sebagai impak produk:

